



**UCAPAN PRESIDEN PERSATUAN BOLA SEPAK
MALAYSIA (FAM), YH DATO' HAJI HAMIDIN MOHD AMIN,
PADA KONGRES FAM 14 JULAI, 2018**

BISMILLAHIRRAHMANNIRRAHIM,

**ASSALAMUALAIKUM
WABARAKATUH,**

WARAHMATULLAHI

**MENGADAP DYAM MEJAR JENERAL TUNKU ISMAIL IBNI
SULTAN IBRAHIM, TUNKU MAHKOTA JOHOR – TETAMU
KEHORMAT MERANGKAP Pengerusi Malaysia
Football League**

**AMPUN TUANKU, IZINKAN PATIK UNTUK MEMBERIKAN
UCAPAN PATIK KEPADA SEMUA YANG HADIR DI
KONGRES FAM KE-54 PADA HARI INI.**

**YBHG. DATUK WIRA MOHD YUSOFF BIN HAJI MAHADI,
TIMBALAN PRESIDEN FAM,**

**YBHG. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL, TIMBALAN
PRESIDEN FAM,**

**DATO'-DATO' NAIB PRESIDEN FAM SERTA AHLI-AHLI
JAWATANKUASA EKSEKUTIF FAM BAGI PENGGAL 2017-
2021,**

**SEMUA PERWAKILAN DARIPADA AHLI GABUNGAN FAM,
TETAMU-TETAMU KEHORMAT KITA TERUTAMA DARI
FIFA, AFC, AFF,**

WAKIL DARI MAJLIS OLIMPIK MALAYSIA



YBHG KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN,

YBHG KETUA PENGARAH MAJLIS SUKAN NEGARA,

YBHG PESURUHJAYA SUKAN MALAYSIA,

YBHG Pengerusi Institut Sukan Negara,

WAKIL-WAKIL PENAJA, DARI TELEKOM MALAYSIA, 100 PLUS, BANK ISLAM, NIKE, YAKULT DAN BANK RAKYAT,

PENGAMAL MEDIA, PARA PEMERHATI,

SEMUA KAKITANGAN SEKRETARIAT AGUNG FAM

DATO'-DATO', TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN, SERTA SEMUA PARA HADIRIN YANG HADIR

SALAM SEJAHTERA, WARM GREETINGS, AND A VERY GOOD MORNING,

- 1. BERSYUKUR KITA KE-HADRAT ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA KERANA ATAS PERKENAN DAN LIMPAH KURNIANYA, MAKA KONGRES KITA PAGI INI BERJALAN DENGAN SEMPURNA DAN JAYANYA. MENGAMBIL KESEMPATAN INI, SAYA JUGA TURUT MERAKAMKAN SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH DI ATAS KEPERCAYAAN YANG DIBERIKAN OLEH AHLI GABUNGAN FAM DAN PERWAKILAN KEPADA DIRI SAYA UNTUK MENERAJUI KEPIMPINAN FAM SEHINGGA BERAKHIRNYA PENGGAL KALI INI IAITU PADA TAHUN 2021.**



- 2. APA YANG MENARIKNYA, PROSES PEMILIHAN YANG DIMULAI DENGAN PENCALONAN TELAH BERJALAN DENGAN PENUH BEBAS, TIDAK TERKONGKONG DAN TIDAK JUGA TERIKAT DENGAN SEBARANG KUMPULAN. NAMUN PERASAAN SAYA BERCAMPUR BAUR PADA SAAT INI. DARI SATU ASPEK, SAYA MENGANGGAP PELANTIKAN SAYA SELAKU PRESIDEN FAM MENGGANTIKAN DYAM MEJAR JENERAL TUNKU ISMAIL IBNI SULTAN IBRAHIM SEBAGAI SATU PENGHORMATAN DAN DARI SATU ASPEK LAGI, SAYA ANGGAP IA AMANAH BERAT YANG HARUS SAYA PIKUL.**

SAYA INGIN MENGAMBIL KESEMPATAN DISINI, BAGI PIHAK DIRI SAYA DAN FAM, UNTUK MENYATAKAN JUNJUNG KASIH KEPADA DYAM MEJAR JENERAL TUNKU MAHKOTA JOHOR, MANTAN PRESIDEN FAM DIATAS SEGALA JASA DAN SUMBANGAN TUNKU KEPADA FAM SEPANJANG MEMEGANG JAWATAN PRESIDEN FAM SELAMA INI. PATIK JUGA INGIN MENGAMBIL KESEMPATAN DISINI UNTUK MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA JDT DAN DYAM TUNKU SEBAGAI PEMILIK KELAB JDT KERANA TELAH MENJUARAI LIGA SUPER TAHUN INI UNTUK 5 TAHUN BERTURUT-TURUT – TAHNIAH TUNKU.



- 3. SETERUSNYA SUDAH HAMPIR TUJUH DEKAD SEJAK TUNKU ABDUL RAHMAN AL HAJ MENJADI PRESIDEN PERTAMA DALAM KALANGAN ANAK TEMPATAN UNTUK MENERAJUI FAM, MENGGANTIKAN DR C.P. RAWSON, KETUA PEGAWAI KEBAJIKAN SOSIAL PERSEKUTUAN TANAH MELAYU, PADA 1951.**
- 4. MELIHAT KEPADA SENARAI PRESIDEN FAM TERDAHULU, SAYA BERASA SUNGGUH KERDIL. APAKAN TIDAK, SAYA ADALAH INDIVIDU PERTAMA DALAM KALANGAN RAKYAT MARHAEN MEMEGANG JAWATAN INI, SAMA ADA SEBELUM PERANG DAN SELEPAS PERANG DUNIA KEDUA, TANPA SEBARANG PENGARUH POLITIK.**
- 5. SEJARAH MENUNJUKKAN BAHAWA MALAYSIA PASUKAN YANG DISEGANI DI ASIA PADA ERA 1950-AN SEHINGGA 1980-AN, DI MANA MALAYSIA MENGUTIP PINGAT GANGSA SUKAN ASIA 1962 DAN 1974, LAYAK KE SUKAN OLIMPIK 1972 DAN 1980 SERTA MARA KE PUSINGAN AKHIR PIALA ASIA AFC PADA 1976 DAN 1980 SECARA MERIT. UNTUK KITA BERGERAK KE HADAPAN, TIDAK SALAH KITA MENOLEH SEJARAH SEBAGAI PANDUAN.**
- 6. BERASASKAN SENARIO SEMASA, TUGAS BERAT MENUNGGU SAYA UNTUK PENGGAL 2018-2021. BELUM PUN SAYA MENDUDUKI KERUSI PANAS INI, CAKAP-CAKAP BERNADA SINIS SUDAHPUN KEDENGARAN. PERSOALAN TIMBUL MENDAKWA SAYA SEKADAR PRESIDEN BONEKA. ADA TOKOH LAIN DI SEBALIK TABIR YANG MEMEGANG TALI DAN SAYA SEKADAR MENGIKUT RENTAK TARINYA.**



DATO'-DATO', TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN, SAYA BERI JAMINAN BAHAWA SAYA TIDAK AKAN MENGIKUT TELUNJUK MANA-MANA PIHAK TETAPI DENGAN IZIN ALLAH JUA, SAYA MEMOHON DIBERI KEKUATAN BERFIKIR DAN BEKERJA DEMI FAM DAN KEPENTINGAN BOLA SEPAK SECARA AMNYA SERTA MENJALIN KERJASAMA INTIM DENGAN SEMUA PEMEGANG TARUH.

- 7. RAKAN-RAKAN SEPERJUANGAN YANG SAYA HORMATI, BOLA SEPAK NEGARA SUDAH ACAP KALI DIBELENGGU DENGAN PELBAGAI ISU, BILAMANA APA JUA TOPIK YANG MELIBATKAN FAM, IANYA SERINGKALI MENGUNDANG PERSEPSI DAN PRASANGKA. SEBARANG ANDAIAN YANG DILONTAR TERUTAMANYA OLEH PEMINAT SERTA PENGGIAT BOLASEPAK TEMPATAN, BAIK YANG DIGAMBARAKAN DALAM MEDIA SOSIAL MAHUPUN DIBICARA DALAM APA JUA PLATFORM, KITA SEHARUSNYA MENERIMA DAN MELIHATNYA SEBAGAI SATU REAKSI KEGUSARAN YANG MULANYA TERBIT DARIPADA RASA KEPEDULIAN YANG BEGITU TINGGI TERHADAP MASA DEPAN BOLA SEPAK NEGARA.**

- 8. SEPERTIMANA YANG TELAH SAYA GARIS DAN PERINCIKAN DALAM HARAPAN SAYA, 5 PERKARA ASAS YANG SAYA TERJEMAHKAN KEPADA 30 PERKARA UTAMA AKAN KEKAL MENJADI MATLAMAT KEPIMPINAN SAYA. TATKALA BOLASEPAK GLOBAL TELAH MELALUI BEBERAPA SIRI PROSES REFORMASI, SAYA BERANGGAPAN, FAM JUGA SEWAJARNYA PERLU MENJALANI PROSES YANG SERUPA.**



OLEH ITU, SAYA TELAH MENANAMKAN ILTIZAM UNTUK MELAKSANAKAN PERUBAHAN STRUKTUR MENGENAI CARA KERJA DAN OPERASI FAM DENGAN MENSASARKAN PERUBAHAN TOTAL YANG BAKAL MEMBERI PENEKANAN KEPADA GOOD GOVERNANCE AND TRANSPARENCY. TADBIR URUS YANG BAIK DAN KETELUSAN. SEMUA INI TELAH SAYA RUNGKAIKAN DI BAWAH KOMPONEN PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN YANG BAKAL MENYAKSIKAN PENERAPAN 8 ELEMEN UTAMA DALAM STRUKTUR ORGANISASI FAM ITU SENDIRI.

- 9. ANTARA PENDEKATAN BAHARU YANG SAYA PERCAYA AKAN MERUBAH HALATUJU FAM ADALAH DARI SEGI PENGASINGAN TANGGUNGJAWAB DAN PERANAN YANG JELAS DI ANTARA PERINGKAT DASAR YANG DIDUKUNGI OLEH EXCO DAN JAWATANKUASA TETAP DENGAN PERINGKAT PELAKSANAAN IAITU SEKRETARIAT AGUNG FAM SELARAS DENGAN AMALAN BAIK, SIHAT DAN TERSUSUN OLEH FIFA DAN AFC. THE PRINCIPLE OF SEPARATION OF POWERS NEEDS TO BE UPHELD AND RESPECTED.**
- 10. PENYERTAAN MENYELURUH DARIPADA SEMUA PEMEGANG TARUH DALAM BOLA SEPAK NEGARA HARUSLAH DIPERLUASKAN DAN USAHA UNTUK MENJADIKAN FAM TERUTAMA DI PERINGKAT EXCO BUKAN SAHAJA SEIMBANG BAHKAN PERLU JUGA DILIHAT ADIL BUKAN LAGI SATU UNGKAPAN, TETAPI MENUNTUT PELAKSANAAN.**



JUSTERU KAJIAN DAN PENYUSUNAN SEMULA STATUT FAM HARUS DISEGERAKAN. SELAIN ITU, SAYA JUGA TURUT MENJADIKAN PEMBANGUNAN IBU PEJABAT FAM YANG BAHARU DAN JUGA PUSAT LATIHAN BOLASEPAK KEBANGSAAN DI PUTRAJAYA SEBAGAI ANTARA MATLAMAT UTAMA YANG BAKAL SAYA USAHA DAN UTAMAKAN.

- 11. DALAM KITA BERBICARA TENTANG PERUBAHAN DAN PERKEMBANGAN INSTITUSI BOLASEPAK NEGARA, THE GAME ITSELF MUST REMAIN AS OUR TOP PRIORITY. OLEH ITU, SAYA TURUT MENEKANKAN BETAPA IMPIAN UNTUK MENYAKSIKAN SEMULA KECERMELANGAN OLEH PASUKAN-PASUKAN KEBANGSAAN KITA HARUS DIREALISASIKAN. LANGKAH DAN PELAN YANG KOMPREHENSIF LAGI BERSEPADU PERLU DIZAHIRKAN SEGERA DAN SAYA TELAH MENGARAHKAN PENGARAH TEKNIKAL KITA UNTUK MEMULAKAN LANGKAH INI DENGAN MENGAMBIL KIRA TEMPOH PERANCANGAN SEHINGGA TAHUN 2030. KINI, MASANYA SUDAH TIBA UNTUK KITA MEMBERANIKAN DIRI DALAM MENETAPKAN TARGET DENGAN MENGIMPIKAN SESUATU YANG LEBIH TINGGI DAN PADA MASA YANG SAMA BERSEDIA MENGHADAPI SEGALA KEMUNGKINAN. TO REMAIN IN A COMFORT ZONE IS NO LONGER AN OPTION, AFTER ALL THERE ARE NO GAINS WITHOUT PAINS.**



- 12. KEJAYAAN DI PERINGKAT AFF SUZUKI CUP DAN SUKAN SEA TIDAK BOLEH LAGI DIJADIKAN PENANDA ARAS ATAU BENCHMARK SEBALIKNYA MELAYAKKAN DIRI KE PUSINGAN AKHIR PIALA ASIA AFC, LAYAK KE SUKAN OLIMPIK, BERADA DALAM KELOMPOK LAPAN NEGARA TERBAIK DI SUKAN ASIA DAN LAYAK KE PERTANDINGAN FIFA BAWAH UMUR SEWAJARNYA KINI MENJADI THE ULTIMATE MISSION.**

SEMUA INI NANTI AKAN DIPERINCIKAN DALAM ROAD MAP DAN MISI DAN VISI FAM DAN INSYA ALLAH DALAM TAHUN INI, IANYA BAKAL DITERBIT DAN DIDOKUMENKAN OLEH FAM SELEPAS DIPERINCIKAN OLEH PENGARAH TEKNIKAL FAM DAN JAWATANKUASA YANG BERKAITAN DAN AKHIRNYA AKAN MENDAPAT PANDANGAN DARI PEMEGANG TARUH FAM JUGA TURUT DIAMBIL KIRA.

- 13. SAYA AKAN PASTIKAN DOKUMEN INI NANTI DIKONGSI DAN DIBINCANG SECARA BERSAMA DENGAN SEMUA PEMEGANG TARUH BOLASEPAK NEGARA. SETERUSNYA, SAYA JUGA AKAN MELIHAT SEMULA DAN MEMBERI PENEKANAN KEATAS KOMPONEN PEMBANGUNAN YANG LAIN, UMPAMANYA CAPACITY BUILDING.**



- 14. SEJAK KEBELAKANGAN INI, KITA SERING BERBAHAS TENTANG PRESTASI PENGADIL. ISU YANG DIPERTIKAI BANYAK MENJURUS KE ARAH KEPUTUSAN YANG TELAH DIBUAT DI DALAM PADANG DAN INI SEDIKIT SEBANYAKNYA TELAH MENIMBULKAN KERESAHAN DI PERINGKAT FAM. PERLU DINYATAKAN DI SINI BAHAWA PERKARA INI TIDAK PERNAH LEKANG DARIPADA DIBICARAKAN OLEH FAM, TERUTAMA DI PERINGKAT EXCO.**

SEBAGAI LANGKAH AWAL, SAYA AKAN MEMASTIKAN PELANCARAN PROGRAM PEMBANGUNAN PENGADIL PROFESIONAL DISEGERAKAN DI MANA PROSES RECRUITMENT UNTUK KELOMPOK PERTAMA SERAMAI 8 ORANG PENGADIL AKAN DIMULAKAN DALAM TEMPOH TERDEKAT INI DAN SETERUSNYA MEMPERKENALKAN SYLLABUS LENGKAP YANG AKAN MENJADI ASAS BIMBINGAN DAN PENDIDIKAN PENGADIL PROFESIONAL SELARAS DENGAN AMALAN OLEH NEGARA-NEGARA MAJU DIDALAM BOLASEPAK.

- 15. RAKAN-RAKAN SEPERJUANGAN YANG SAYA HORMATI, KITA HARUS SEDAR DAN MENERIMA HAKIKAT DI MANA PEMBANGUNAN SUKAN BOLASEPAK ITU MEMERLUKAN KEPAKARAN DAN KEMAHIRAN. KESEIMBANGAN ILMU DAN PENGETAHUAN DALAM PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN BOLASEPAK TERUTAMA DI PERINGKAT PERSATUAN GABUNGAN DAN KELAB ADALAH ANTARA ASAS DAN TUNJANG UTAMA KEPADA PENGHASILAN TENAGA KERJA YANG COMPETENT DI PERINGKAT FAM.**



SEJARAH PERNAH MENYAKSIKAN BETAPA SATU KETIKA DAHULU, FAM DIANGGAP SEBAGAI PELOPOR DAN MEDAN KEPADA PENGHASILAN PENTADBIR BOLA SEPAK YANG DISEGANI DUNIA. NAMA-NAMA BESAR SEPerti DATO' PETER VELAPPAN, MENDIANG DATO' PAUL MONY SAMUEL, DATO' DELL AKHBAR KHAN, DATO' ALEX SOOSAY, DATO' WINDSOR JOHN ADALAH ANTARA PENTADBIR YANG LAHIR DARIPADA SISTEM YANG DIBENTUK OLEH FAM. SEBAGAI USAHA UNTUK MENERUSKAN BUDAYA DAN TRADISI INI, SAYA JUGA AKAN MENSASARKAN CAPACITY BUILDING UNTUK DIPERKEMBANGKAN KE SEMUA PERINGKAT TERMASUKLAH DI PERINGKAT AHLI DAN KELAB MELALUI PROGRAM PENDIDIKAN ATAU EDUCATION PROGRAM KHAS YANG AKAN DIBANGUNKAN OLEH FAM DENGAN KERJASAMA FIFA DAN AFC. MENJADI HARAPAN DAN IMPIAN SAYA UNTUK KITA BERJAYA MELAHIRKAN LEBIH RAMAI PENTADBIR, PENGURUS KEWANGAN, PENGURUS PERTANDINGAN, MATCH COMMISSIONERS DAN SEBAGAINYA YANG SUATU HARI NANTI AKAN TURUT MEMBAWA KEMEGAHAN KEPADA NEGARA.

- 16. NAMUN KITA TIDAK BOLEH SEKADAR BERBANGGA MELAHIRKAN PEGAWAI BERWIBAWA. FAM KESUDAHANNYA AKAN SENTIASA DIHAKIMI MENERUSI PRESTASI PASUKAN KEBANGSAAN. MAKA ITU KITA TIDAK BOLEH ELAK DARIPADA MENYENTUH ASPEK PEMBANGUNAN YANG TERBAIK YANG MEMERLUKAN PROSES PEMBANGUNAN YANG BERSISTEMATIK, BERSEPADU DAN BERTERUSAN.**



TUMPUAN DI PERINGKAT AKAR UMBI YANG MELIBATKAN ANAK-ANAK MALAYSIA DI BAWAH UMUR 12 TAHUN AKAN DIAKTIFKAN MELALUI PROGRAM-PROGRAM KHAS YANG BAKAL DISINGKAP DALAM SENARAI GRASSROOT CHARTER FAM YANG BAHARU. KERJASAMA DENGAN KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN MELALUI PROGRAM NFDP AKAN DIPERKEMASKAN DAN DIPERTINGKATKAN, BEGITU JUGA DENGAN KERJASAMA YANG SUDAH TERBENTUK DENGAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN.

- 17. RAKAN-RAKAN SEPERJUANGAN SEKELIAN, KITA MASIH DILANDA DEMAM PIALA DUNIA. SAMBIL MENUNGGU FINAL MALAM ESOK DI ANTARA PERANCIS DAN CROATIA, KITA MENGAGUMI KESUNGGUHAN JEPUN, KOREA SELATAN, IRAN, ARAB SAUDI DAN AUSTRALIA – LIMA WAKIL ASIA KE RUSSIA 2018. KITA AKUR KEPADA HAKIKAT BAHAWA PENDIDIKAN KEJURULATIHAN ADALAH KUNCI DALAM MENDEDAHKAN ANAK-ANAK KITA KEPADA PEMBELAJARAN ASAS-ASAS BOLA SEPAK YANG BETUL. SETAKAT INI, KITA MEMPUNYAI 12 JURULATIH YANG MEMILIKI LESEN PRO, 81 LESEN A, DAN 373 LESEN B SERTA 1,177 LESEN C. PENGARAH TEKNIKAL FAM AKAN MENGADAKAN SESI PERCAMBAHAN MINDA DENGAN BERBINCANG DENGAN PERSATUAN JURULATIH BOLA SEPAK MALAYSIA DALAM Mencari kaedah terbaik meninggikan standard kejurulatihan yang ada, termasuk mengenakan syarat lebih ketat agar pemain dari usia tiga tahun didedahkan dengan budaya latihan yang sesuai.**



KITA MAKLUM BAHAWA PERANCIS DAN CROATIA SERTA GERGASI-GERGASI ASIA MEMILIKI RESEPI BERBEZA DALAM MEMPERKASA BOLA SEPAK DI AKAR UMBI YANG HARUS KITA JADIKAN RUJUKAN.

- 18. TUAN-TUAN HADIRIN SEKELIAN, BOLA SEPAK TEMPATAN JUGA BERDEPAN MASALAH KEBAJIKAN. KITA MASIH LAGI BERDEPAN KES GAJI TERTUNGGAK PEMAIN. INGAT TUAN-TUAN, TANPA PEMAIN SIAPALAH KITA. DALAM HAL INI, SAYA BERCADANG MENGADAKAN PERTEMUAN DENGAN JABATAN TENAGA KERJA UNTUK KERJASAMA SECARA STRATEGIK SELAIN MENGENAKAN SYARAT-SYARAT LEBIH KETAT UNTUK MANA-MANA PASUKAN MENYERTAI PERTANDINGAN TEMPATAN.**

- 19. SEBELUM SAYA MENGAKHIRI UCAPAN INI, IZINKAN SAYA SELAKU PRESIDEN UNTUK MENYATAKAN TIGA ELEMEN PENTING YANG BAKAL SAYA BERIKAN KEUTAMAAN DAN TUMPUAN SEGERA.**
 - i) PRESTASI DAN PENINGKATAN PASUKAN KEBANGSAAN**

 - ii) PROGRAM AKAR UMBI, TERMASUKLAH YANG MELIBATKAN NFDK DAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

 - iii) MENJANAKAN SUMBER DAN PEMBIAYAAN KEWANGAN YANG STABIL DAN KUKUH KEPADA FAM DEMI UNTUK MELONJAKKAN BOLASEPAK NEGARA**



BOLASEPAK SUDAH BERJAYA MENAKLUKI GLOBAL REACH AND MAGNITUDE, THUS, WE MUST DO OUR UTMOST TO ENSURE THAT THE SPORT AND THE INDUSTRY ARE ALWAYS SEEN IN A POSITIVE LIGHT. SEANDAINYA KITA MENGIMPIKAN BOLA SEPAK INI MAMPU KEKAL MENDOMINASIKAN PENTAS YANG KITA NIKMATI SELAMA INI, SAYA MENGGESA AGAR KESEMUA KITA MEMIKUL TANGGUNGJAWAB DAN PERANAN AS A TEAM WITH DILIGENCE, PASSION AND COMMON RESPECT. LET TODAY REGISTER ANOTHER POSITIVE CHAPTER IN THE LONG HISTORY OF OUR BELOVED SPORT!

**20. WABILLAH TAUFIQ WAL-HIDAYAH
WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI
WABARAKATUH**